

02/09/2000

Mesyuarat MT 11 September

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang dijadual diadakan di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada 11 September ini.

Ini adalah mesyuarat pertama dalam tempoh lebih sebulan kerana tiada mesyuarat MT sepanjang Ogos. Kali terakhir mesyuarat MT diadakan di sini pada 21 Julai lalu.

Mesyuarat kali ini sepatutnya diadakan di luar ibu negara kerana mesyuarat lalu diadakan di sini. Ini berdasarkan sistem penggiliran seperti diputuskan sebelum ini, tempat mesyuarat diadakan sekali di ibu negara dan kemudian di peringkat negeri.

Mesyuarat MT Umno yang pertama di luar Kuala Lumpur diadakan di Ipoh 3 Julai lalu, disusuli mesyuarat khas MT di Seri Perdana, Putrajaya 10 Julai dan mesyuarat MT di PWTC 21 Julai lalu.

Sumber memberitahu mesyuarat 11 September ini yang akan dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara lain dijangka membincangkan isu semasa termasuk berkaitan hak keistimewaan orang Melayu.

Umno, sebagai parti tulang belakang Barisan Nasional (BN) dijangka membincangkan dengan mendalam isu berkaitan sebelum mengeluarkan kenyataan mengenai pendiriannya.

Isu itu ditimbulkan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqui) baru-baru ini yang mencetuskan kontroversi sehingga pergerakan Pemuda Umno menuntut badan itu meminta maaf.

Dalam perutusan Hari Kemerdekaan kelmarin, Dr Mahathir merayu kumpulan ekstremis daripada kalangan tertentu orang Melayu dan Cina supaya menghentikan permainan api perkauman.

Perdana Menteri mengingatkan, perbuatan kumpulan al-Ma'unah dan pendekatan Suqui baru-baru ini, akan merosakkan hubungan baik antara kaum yang diusahakan kerajaan.

Mesyuarat MT 21 Julai lalu membincangkan dengan panjang lebar peristiwa rampasan senjata di Sauk.

Turut dijangka dibincangkan pada mesyuarat kali ini ialah perkembangan lanjut soal meminda perlembagaan Umno bagi melicinkan lagi pentadbiran parti sebelum dibentangkan di perhimpunan agung khas November ini.

(END)